

PERJANJIAN PEMBELIAN KOMODITI DAN PERLANTIKAN WAKIL PEMBELIAN

Perjanjian Pembelian Komoditi ini ("Perjanjian ini") dibuat pada ____ haribulan _____ 201____ di antara

- a. _____ ("Pemohon") di pihak yang pertama dan
- b. Koperasi _____ ("KOPERASI") sebuah Koperasi yang didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993 di pihak kedua.

(Pemohon dan KOPERASI, kesemuanya selepas ini dirujuk sebagai "pihak-pihak" dan secara individu dirujuk sebagai "pihak" yang mana terpakai)

BAHAWASANYA

- a. Berdasarkan Syarat - syarat dan Terma - terma yang terkandung di dalam Borang Permohonan Pembiayaan Al-Tawarruq yang diterima, KOPERASI dengan ini bersetuju menyediakan kemudahan pembiayaan mengikut prinsip Syariah Murabahah-Tawarruq.
- b. Di bawah Syarat-syarat dan terma-terma yang terkandung di dalam Borang Permohonan, kedua-dua pihak akan memeterai Perjanjian Pembelian Komoditi di mana Pemohon akan membeli Komoditi yang akan dikenal pasti oleh KOPERASI pada harga Jualan KOPERASI.

DENGAN INI DIPERSETUJUI seperti yang berikut:

- a. Pemohon dengan ini memohon untuk membeli komoditi yang akan dikenal pasti tertakluk kepada Syarat-syarat dan Terma-terma yang terkandung di dalam Borang Permohonan dan juga Perjanjian ini.
- b. Pemohon juga berakuanji membeli komoditi tersebut pada Harga Jualan KOPERASI dengan pembayaran secara bertangguh.
- c. Harga Jualan KOPERASI perlu dibayar mengikut kaedah yang ditetapkan oleh KOPERASI.
- d. Semua Syarat-syarat dan Terma-terma yang dinyatakan mengikat pihak-pihak yang terlibat, warisnya, wakil diri dan penggantinya.

PERLANTIKAN WAKIL PEMBELIAN

Pemohon dengan ini melantik KOPSYA sebagai wakil untuk menyempurnakan akad pembelian komoditi tersebut bagi pihak Pemohon mengikut kontrak. Pemohon bersetuju mematuhi segala Syarat-syarat dan Terma-terma yang ditetapkan.

PENGESAHAN :

Ditandatangani oleh :
Pemohon []

Dalam kehadiran :
[]

Ditandatangani oleh
bagi pihak KOPSYA :
[]

Dalam kehadiran :
[]

PERJANJIAN PENJUALAN KOMODITI DAN PERLANTIKAN WAKIL PENJUALAN

Perjanjian Penjualan Komoditi ini ("Perjanjian ini") dibuat pada ____ haribulan _____ 201____ di antara

- a. _____ ("Pemilik") di pihak yang pertama dan
- b. Koperasi _____ ("KOPERASI") sebuah Koperasi yang didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993 di pihak kedua.

(Pemilik dan KOPERASI, kesemuanya selepas ini dirujuk sebagai "pihak-pihak" dan secara individu dirujuk sebagai "pihak" yang mana terpakai)

BAHAWASANYA

- a. Berdasarkan Syarat - syarat dan Terma - terma yang terkandung di dalam Borang Permohonan Pembiayaan Al-Tawarruq yang diterima, KOPERASI dengan ini bersetuju menyediakan kemudahan pembiayaan mengikut prinsip Syariah Murabahah-Tawarruq.
- b. Di bawah Syarat-syarat dan Terma-terma yang terkandung di dalam Borang Permohonan, Pemilik akan menjual Komoditi pada harga tunai kepada pihak ketiga.

DENGANINI DIPERSETUJUI seperti yang berikut:

- a. Pemilik dengan ini memohon untuk menjual komoditi tertakluk kepada Syarat-syarat dan Terma-terma yang terkandung di dalam Borang Permohonan dan juga Perjanjian ini.
- b. Semua Syarat-syarat dan Terma-terma yang dinyatakan mengikat pihak-pihak yang terlibat, warisnya, wakil diri dan penggantinya.

PERLANTIKAN WAKIL PENJUALAN

Pemilik dengan ini melantik KOPSYA sebagai wakil untuk menyempurnakan penjualan komoditi tersebut kepada mana - mana pihak ketiga dengan harga RM _____ selepas kontrak Jualan Murabahah disempurnakan antara KOPERASI dan Pemilik. Pemilik juga akan mematuhi Syarat-syarat dan Terma-terma yang ditetapkan mengikut kontrak.

PENGESAHAN :

Ditandatangani oleh :
Pemilik []

Ditandatangani oleh :
bagi pihak KOPERASI []

Dalam kehadiran :
[]

SURAT OPSYEN*(Diisi oleh anggota koperasi)*

Saya dengan ini membuat pilihan/opsyen terhadap komoditi seperti berikut untuk:

Bersetuju menjual komoditi di bawah kepada pihak ketiga melalui Koperasi Pembiayaan Syariah Angkasa Berhad (KOPSYA) sebagai wakil yang saya lantik.

ATAU

Bersetuju mengambil pemilikan komoditi seperti yang dinyatakan secara fizikal tertakluk kepada terma dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Bursa Malaysia. Saya juga bersetuju menanggung kos berkaitan penjualan komoditi di bawah pada bila-bila masa kepada mana-mana pembeli. Saya dengan ini melepaskan pihak koperasi daripada segala tanggungan dan mengaku janji untuk menanggunrugi kesemua kos dan perbelanjaan atau kerosakan yang mungkin dialami koperasi berikutan dengan pilihan ini.

Bagi permohonan untuk pembiayaan consumer sila penuhkan ruang di bawah :

Harga belian/Baki harga belian (*potong yang tidak berkenaan*) selepas tolakan berkaitan berjumlah Ringgit Malaysia (RM) _____ dibayar kepada :-

_____ untuk tujuan membiayai pembelian seperti yang tertera di dalam invoice (*sila lampirkan*)

Nama Anggota : _____

No Kad Pengenalan : _____

Tarikh : _____

Untuk Kegunaan KOPSYA sahaja

Nama KOPERASI : _____

Tarikh : _____

Komoditi (*Jenis*) : _____

RM : _____

No. Sijil Komoditi : _____

PERLANTIKAN WAKIL PEMBELIAN

Anggota melantik pegawai koperasi sebagai wakil untuk menyempurnakan pembelian komoditi dari KOPERASI.

Pemohon dengan ini melantik (pegawai koperasi) sebagai wakil untuk menyempurnakan akad pembelian komoditi tersebut bagi pihak Pemohon mengikut kontrak. Pemohon bersetuju mematuhi segala syarat dan terma-terma yang ditetapkan.

PENGESAHAN :

Ditandatangani oleh
Pemohon :
[]

Ditandatangani oleh
pegawai koperasi yang
dilantik menjadi wakil :
[]